



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KKR SAMBUT BAIK PENGUMUMAN YAB PERDANA MENTERI PENYERAHAN PROJEK INFRASTRUKTUR KECIL KE JABATAN LAIN

1. Kementerian Kerja Raya menyambut baik pengumuman YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim semalam yang mengarahkan projek infrastruktur kecil seperti baik pulih sekolah dan klinik daif di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya (JKR) dipindahkan kepada jabatan lain atau pejabat daerah.
2. Saranan YAB Perdana Menteri itu dapat memberikan pelepasan kepada Kementerian Pelanggan bagi melaksanakan sendiri projek infrastruktur kecil seperti membaiki kerosakan kecil sekolah, klinik, parit kecil dan pembaikan pagar yang tidak melibatkan aspek teknikal yang kompleks serta aspek keselamatan pembinaan.
3. Ini sejajar dengan arahan di dalam Arahan Perbendaharaan 182 dimana Kementerian/Jabatan/ Agensi (KJA) boleh melaksanakan sendiri kerja-kerja penyenggaraan membaiki kerosakan kecil yang tidak melibatkan struktur bangunan atau kerja elektrik yang bernilai tidak melebihi RM200,000 dengan mematuhi semua peraturan yang berkuatkuasa.
4. Pelaksanaan projek-projek ini juga mengambil kira keupayaan KJA.
5. Keprihatinan YAB Perdana Menteri itu juga dilihat dapat mengurangkan beban JKR sekaligus memberi ruang kepada jabatan ini untuk memberi fokus yang lebih kepada pelaksanaan projek infrastruktur yang lebih kompleks seperti pembinaan bangunan hospital, sekolah, jambatan-jambatan besar, pelabuhan, lebuh raya dan sebagainya.
7. Kementerian ingin menzahirkan ribuan ucapan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri dan berharap agar projek-projek yang diberikan pelepasan dapat dilaksanakan dengan lancar mengikut amalan terbaik kejuruteraan dan peraturan-peraturan semasa yang berkuat kuasa demi kepentingan rakyat Malaysia Madani.

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA
13 JUN 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

🌐 WWW.KKR.GOV.MY 📧 PRO@KKR.GOV.MY 📘 KEMENTERIAN KERJA RAYA 📺 [KKR.MALAYSIA](https://www.facebook.com/KKR.MALAYSIA) 📺 [@MOWORKS](https://www.facebook.com/MOWORKS) 📺 KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur